

Title : Mensejahterakan Insan dan Melestarikan Bumi dengan
Mengintegrasikan Kurikulum Akademik dan Kurikulum Turath
dalam Sistem Pendidikan Negara

Author(s) : Muhammad Imran Bin Muhamad Yuhaisham

Institution : International Islamic University Malaysia

Category : Article, Competition

Topics : Education, religion

Mensejahterakan Insan dan Melestarikan Bumi dengan Mengintegrasikan Kurikulum Akademik dan Kurikulum Turath dalam Sistem Pendidikan Negara

Oleh: Muhammad Imran Bin Muhamad Yuhaisham

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Maha Suci Engkau tiada ilmu bagi kami melainkan apa yang telah Engkau ajarkan kepada kami, sesungguhnya Nya Engkau Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. Segala puji bagi Allah Tuhan seluruh alam serta selawat dan salam ke atas junjungan mulia nabi Muhammad s.a.w, ahli keluarga dan para sahabat baginda.

Sungguh, bumi tidak akan lestari tanpa terlebih dahulu insan – insan yang menghuninya sejahtera. Tambahan pula, sejahtera tidak akan dicapai selagimana mereka tidak mematuhi undang – undang Allah sepertimana yang telah termaktub di dalam al – quran dan as – sunnah dengan bimbingan dan rujukan pada para ulama yang mewarisi tradisi Islam.

Di era kini, kita dapat lihat betapa rosaknya jati diri dan pemikiran para insan dan tenatnya kesihatan bumi akibat tangan -tangan insan itu sendiri. Di manakah hak kita untuk mengatakan Allah itu tidak adil sedangkan kita (manusia) zalim akan diri sendiri bahkan bumi ciptaan- Nya. Adil itu bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya dan zalim itu adalah berlawanan maksud bagi adil. Kenapa saya mengatakan kita zalim akan diri sendiri dan bumi- Nya? Allah ciptakan kita untuk mengabdikan diri kepada- Nya, taati segala perintah – Nya dan jauhi segala larangan- Nya dan mentugaskan kita sebagai khalifah untuk melestarikan bumi dan segala isinya: haiwan – haiwan, tumbuh- tumbuhan dan sebagainya. Namun, adakah kita sudah berusaha menjadi hamba – Nya yang taat, dan adakah kita sudah berusaha melestarikan bumi – Nya dari kerosakan dan kemusnahan?

Malang sekali buat kita, namun inilah realiti kehidupan yang sedang berlaku pada hari ini, kerosakan bukan sahaja pada manusia itu bahkan alam yang dihuninya. Hal ini bukan hanya di Malaysia, di benua Nusantara bahkan mungkin di seluruh

penjuru dunia. Agaknya, mungkinkah kerana jauhnya kehidupan seseorang itu daripada nilai agama? Oleh itu, apakah solusi terbaik yang dapat kita fikirkan dalam usaha membentuk insan sejahtera secara tidak langsung menjamin kelestarian bumi?

Pada pengamatan dan penelitian saya, solusi yang terbaik dan ampuh adalah dengan mengintegrasikan kurikulum akademik dan kurikulum turath dalam sistem pendidikan negara. Tujuan saya fokuskan pada bidang pendidikan, kerana pendidikan adalah medium penyampaian ilmu dan makna ke dalam jiwa insani. Sungguh saya katakan, seorang pelajar muslim tidak lengkap dengan hanya mempelajari ilmu sains seperti matematik, biologi dan lain – lain tanpa mempelajari ilmu agama seperti akidah, fiqh, dan seumpamanya. Ilmu agama bukan hanya dipelajari, bahkan perlu difahami dan diamalkan di dalam kehidupan seharian. Ilmu selain ilmu agama hukumnya hanya fardu kifayah, wajib dikuasai hanya pada sebahagian kelompok di dalam masyarakat.

Walau bagaimanapun, ilmu agama ini tidaklah dapat kita fahami dan amalkan dengan sebenar – benarnya melainkan kita menuntutnya melalui pengajian turath yang dibimbing dan diajar oleh para ulama dan para asatizah yang tsiqah. Jujur saya katakan, pelajaran atau kelas agama yang para pelajar ambil sewaktu di peringkat sekolah rendah atau menengah ber'title' kebangsaan mahupun agama tidak cukup untuk mereka memahami agama Islam dan mengamalkannya secara sempurna dalam kehidupan seharian (Bernama, 2014). Kerana apa? kerana silibus subjek – subjek agama hanya berkisar pada permukaan Islam sahaja, tidak mendasar ke dalam dan menjelaskan secara terperinci setiap topik – topik yang disertakan di dalam silibus tersebut. Oleh itu, para pelajar muslim tidak lengkap pendidikannya, jika mereka tidak memantapkan pemahaman Islam melalui pengajian turath di samping meneruskan pengajian akademik di mana – mana institut – institut pengajian tinggi.

Sebelum saya membedah tajuk dengan lebih mendalam, elok kiranya saya menjelaskan sedikit apakah itu kurikulum akademik dan kurikulum turath. Boleh saya takrifkan secara ringkas dengan rujukan Kamus Dewan Edisi Keempat bahawa kurikulum akademik ialah skop dan isi kandungan subjek – subjek ilmu sains dan ilmu agama yang digubal dan disusun atur mengikut kerangka Kementerian Pendidikan Malaysia manakala kurikulum turath ialah skop dan isi kandungan subjek – subjek

ilmu agama seperti akidah, fiqh, tasawwuf dan sebagainya yang berteraskan kitab – kitab turath (warisan) yang dikarang oleh para ulama muktabar seperti Imam As – Syafie, Imam Malik, Imam Ghazali dan banyak lagi (MAKSUD TURATH, 2020). Juga, kurikulum ini hanya diajar oleh para ulama dan para asatizah yang tsiqah dan istimewanya kurikulum ini bersanad dengan rasulullah s.a.w. Tambahanpula, kurikulum ini sudah wujud dan diaplikasikan di Malaysia seperti di pondok -pondok, dan di maahad -maahad tahfiz, cuma masih belum diserap masuk ke dalam sistem pendidikan negara dan arus perdana.

Baik, berbalik pada solusi saya, mengintegrasikan pengajian akademik dan pengajian turath menjamin kesejahteraan insan dan kelestarian bumi. Persoalannya, apakah solusi ini berkesan? Seperti kita ketahui, tiada insan yang sempurna melainkan nabi Muhammad s.a.w. Tuntasnya, baginda adalah kerangka atau acuan terbaik untuk membentuk insan sejahtera, yang sempurna dalam semua aspek kehidupan bahkan sudah jelas terbukti di dalam kalamullah bahawa baginda menjadi rahmat kepada sekalian alam. Namun, kita perlu ingat bahawa para ulama yang paling faham dan arif tentang baginda kerana ulama merupakan pewaris para nabi. Hal ini menjelaskan lagi pentingnya pengajian turath yang dibimbing oleh para ulama dalam usaha melahirkan insan yang sejahtera (ANTARA KELEBIHAN MEMPELAJARI ILMU TURATH , 2020).

Satu hal yang pasti, pelajar muslim terutamanya amat mustahil menjadi insan yang sejahtera tanpa mempelajari ilmu agama melalui pengajian turath. Bukti kita dapat saksikan pada hari ini, betapa rosaknya para pelajar muslim bukan sahaja dari aspek akhlak, pemikiran dan lain – lain, asbab kejahilan dan cetek pemahaman dalam ilmu agama (SUHID, 2007) di samping kurang pada pengamalan ilmu agama yang dipelajari. Sesungguhnya Allah yang menciptakan manusia dan Dia lebih mengetahui cara mengurus atur hidupnya, asbab itu Dia menurunkan Islam kepada utusan -Nya, nabi Muhammad s.a.w sebagai ad – Din, satu cara hidup yang meliputi semua aspek kehidupan manusia. Malang sekali, dalam sedar atau tidak sedar gaya hidup kita sudah berpaling dari ajaran Islam yang sebenar. Oleh itu, pentingnya proses integrasi yang dicadangkan agar tradisi ilmu Islam kembali bangkit dan secara tidak langsung membaik pulih akhlak para pelajar di samping pemikirannya (SUHID, 2007) agar selari dengan al - quran dan sunnah.

Selain itu, peri pentingnya kurikulum turath adalah dapat mengembalikan makna agama dalam kehidupan yang telah dipisahkan dari sistem pendidikan negara asbab ideologi barat yakni sekularisme mendasarinya (Yusop, 2014) dan mendekatkan insan kepada penciptanya, Allah taala. Juga, saya ingin tekankan kurikulum ini adalah berteraskan sanad dengan rasulullah s.a.w. Sudah pasti, dengan gabungan kurikulum turath di dalam sistem pendidikan negara dapat menjadikan seseorang itu insan yang sejahtera sepertimana nabi Muhammad s.a.w, seorang insan kamil. Seterusnya, intipati ilmu di dalam pengajian turath seperti ilmu akidah dapat mengukuhkan pegangan agama seorang muslim, ilmu ibadat dapat menyempurnakan amalan – amalan soleh yang dilakukan, ilmu tasawwuf ilmu yang paling penting buat seorang muslim di mana ilmu ini berfungsi menyucikan hati dan jiwanya dari segala dosa dan segala penyakit hati dan banyak lagi yang perlu dalam membentuk jati diri dan pemikiran seorang muslim yang sejahtera.

Malahan itu, pengajian ini bukan hanya memberi manfaat di akhirat bahkan di dunia. Seringkali saat bercakap soal pendidikan di pondok – pondok, di maahad - maahad tahfiz yang mengamalkan pengajian turath, masyarakat sekeliling pasti memandang sebelah mata, memandang hina kepada para penuntut di sana dan melihat mereka seolah – olah tidak mampu berjaya pada masa depan, sedangkan di negara kita, Malaysia, seorang pelajar lepasan pondok bernama Dr Afifi al - Akiti berjaya menjawat tugas sebagai felo tetap di Universiti Oxford dalam bidang teologi, falsafah dan sains. Hal ini membuktikan para pelajar di pondok mahupun di maahad tahfiz juga layak dan mampu untuk bersaing bukan sahaja di peringkat kebangsaan bahkan di peringkat antarabangsa. Benarlah kata ulama: “jika kamu mengejar akhirat, pasti dunia akan mengejarmu.” Tuntasnya, pengajian turath bukanlah aliran ilmu yang wajar diremehkan melainkan ada rahmat bagi sesiapa yang menuntutnya, bukti sudah ada di depan mata cuma persoalannya,” adakah kita ingin menadah rahmat itu atau sebaliknya?”

Percaya atau tidak, dengan mengintegrasikan kurikulum akademik dan kurikulum turath akan mencapai wawasan pendidikan yang sebenar dalam melahirkan insan yang sejahtera, yang mana bukan hanya cemerlang di dunia bahkan di akhirat, mudah kata seorang individu yang seimbang dunia dan akhirat. Bukan niat saya untuk berlagak pandai, namun silibus pendidikan kita pada hari ini belum cukup matang dalam mempersiapkan generasi muda ke arah keinsanan. Lihat sahaja situasi

anak remaja kini, masalah sosial seperti pergaulan bebas, zina dan seumpamanya semakin berleluasa, masalah jenayah seperti rogol, buli, dan sebagainya semakin meningkat (Aizan binti Ali @ Mat Zin, 2017) sedangkan ramai daripada kalangan mereka tamat pengajian di alam persekolahan bahkan di institut – institut pengajian tinggi. Bukankah situasi ini membuktikan bahawasanya silibus pendidikan kita masih lemah dan mempunyai lompong? Sepertimana dijelaskan di atas, kurikulum turath adalah tradisi ilmu Islam yang bersanad dengan rasulullah s.a.w dan ini sudah pasti sangat diperlukan oleh seorang muslim, bertepatan dengan sebuah hadith yang bermaksud: “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan pernah sesat selagimana kamu berpegang teguh kepada kedua – duanya iaitu kitabullah (Al – quran) dan sunnah nabi – Nya (As – sunnah).” (Al-Quran dan Sunnah Panduan Hidup Diredhai, 2017). Oleh itu, gabungan kurikulum akademik dengan kurikulum turath dapat mengembalikan keseimbangan hidup para pelajar muslim, cemerlang bukan hanya di dunia bahkan di akhirat.

Secara konklusinya, melalui proses integrasi kurikulum akademik dan kurikulum turath di dalam sistem pendidikan negara memberi begitu banyak manfaat kepada diri insani yang mana bukan sahaja menjadikannya seorang individu yang sejahtera bahkan bertaraf antarabangsa dan banyak lagi. Akhir kata, bayangkan jika seorang insan itu menjadi hamba Allah yang taat dan khalifah yang bertanggungjawab, tidakkah akan lestari bumi ini?

Rujukan

- Aizan binti Ali @ Mat Zin, M. b. (2017). ISU DAN CABARAN PENDIDIKAN REMAJA MUSLIM DI MALAYSIA. 44. Retrieved from <http://commonrepo.um.edu.my>:
<http://commonrepo.um.edu.my/12616/4/Page%2041-49.pdf>
- Al-Quran dan Sunnah Panduan Hidup Diredhai*. (2017, Disember 31). Retrieved from people.utm.my:
<https://people.utm.my/ajmain/2017/12/31/al-quran-dan-sunnah-panduan-hidup-diredhai/>
- ANTARA KELEBIHAN MEMPELAJARI ILMU TURATH . (2020, September 12). Retrieved from [facebook.com](https://www.facebook.com): <https://www.facebook.com/tahfizturathsofa/posts/antara-kelebihan-mempelajari-ilmu-turath-jom-bersama-kami-membina-generasi-ulama/2492149597742222/>
- Bernama. (2014, Februari 14). *Silibus pendidikan agama perlu disemak semula, saran Tun M*. Retrieved from astroawani.com: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/silibus-pendidikan-agama-perlu-disemak-semula-saran-tun-m-30069>
- Graduan pondok yang berjaya di persada dunia*. (n.d.). Retrieved from [facebook.com](https://www.facebook.com):
<https://www.facebook.com/tahfizturathpahang/videos/375969790770601>
- Kamus Dewan Edisi Keempat - PRPM*. (n.d.). Retrieved from DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (Malaysia): <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kurikulum>
- Kamus Dewan Edisi Keempat - PRPM*. (n.d.). Retrieved from DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (Malaysia): <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=akademik>
- MAKSUD TURATH. (2020, September 25). Retrieved from [facebook.com](https://www.facebook.com):
<https://www.facebook.com/tahfizturathpahang/posts/maksud-turathkebelakangan-ini-kami-pihak-mttnp-dihujani-dengan-panggilan-untuk-p/165053711907630/>
- SUHID, A. (2007). Pengajaran adab & akhlak Islam dalam membangunkan modal insan. *UKM Journal Article Repository*, 170 - 171.
- Surah Adz - Dzaariyaat: 56*. (n.d.). Retrieved from Surah.My:
<https://www.surah.my/51?q=tidak+aku+ciptakan+jin+dan+manusia#56>
- Surah Al - Baqarah: 30*. (n.d.). Retrieved from Surah.My: <https://www.surah.my/2>
- Yusop, I. b. (2014). IMPAK KOLONIAL TERHADAP PENDIDIKAN ORANG MELAYU. 1203.



Muhammad Imran Bin Muhammad Yuhaisham, mahasiswa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.dalam bidang Bahasa Arab untuk Komunikasi Antarabangsa. Penulis berasal dari Kuantan, Pahang, Malaysia. Penulis mempunyai minat dalam bidang penulisan sastera Melayu seperti puisi dan pantun. Tambahan pula, penulis ada menghasilkan sebuah karya antologi puisi yang bertajuk, Menuju Reda Ilahi dan beberapa karya lain yang masih dalam perancangan. Penulis boleh dihubungi melalui:

Facebook: IsMi Imran

Instagram: ismi.imrn